

Media Title : Berita Harian
Headline : PTPTN Mesti Lebih Agresif Kutip Hutang
Date : 7 January 2025
Page : 7
Tone : Neutral News

PTPTN mesti lebih agresif kutip hutang

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mesti lebih agresif mengutip hutang untuk mengatasi tunggakan bayaran balik pinjaman yang meningkat sebanyak tahun.

Langkah drastik juga perlu dilaksanakan bagi mengesahkan punca lebih 430,000 peminjam yang direkodkan tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman itu, walaupun sekali.

Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Datuk Mohamed Shafie BP Mammal, berkata pembayaran oleh PTPTN menggunakan dana rakyat dan rombakan terhadap pelan tindakan pembayaran balik pinjaman ialah jalan penyelesaian bagi menyelesaikan isu berkenaan.

"PTPTN kena buat rombakan pelan tindakan. Ini bukan bermaksud PTPTN tak buat kerja, tetapi kena kaji semula pelan tindakan (sedia ada), mungkin tak begitu agresif."

"Contohnya dalam situasi sekarang, ia sudah menjadi satu mudarat (kepada peminjam akan datang). Adakah perkara ini pernah dirujuk kepada Kabinet?"



"Ini (rombakan) perlu dilakukan kerana pertama, soalnya mengapa ramai tak nak bayar. Kedua; dana yang digunakan untuk beri pinjaman ialah duit rakyat, apalah lagi dengan berbilion (hutang tertunggak) yang direkodkan," katanya.

BH semalam mendedahkan ada peminjam PTPTN yang sudah mencapai usia 60 tahun, namun masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman.

Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, berkata perkara itu disifatkan tidak wajar mengambil kira PTPTN memerlukan sekitar RM3 bilion bagi membiayai kos pendidikan tinggi 450,000 peminjam sedia ada dan purata 150,000 pemin-

jam baharu setiap tahun.

Mengulas lanjut Mohamed Shafie berkata, rombakan kaedah kutipan hutang PTPTN juga perlu mengambil kira jika ada kelompongan dalam dokumen tawaran pinjaman pendidikan.

"Perlu semak semula kontrak (perjanjian) yang ditandatangani pelajar. Kaji balik kandungan kontrak terbabit. Mungkin ada kelompongan yang kita tak ketahu."

"Mahasiswa (yang ambil pinjaman PTPTN), ketika tandatangani, mereka mungkin ada yang tak baca langsung. Jadi, perlu lihat (kontrak terbabit) membabitkan peminjam dan pemberi pinjaman."

"Jika mahasiswa ini boleh bayar pinjaman lain termasuk cukai pendapatan, mengapa PTPTN tak boleh bayar?" katanya.

Ditanya sama ada majikan boleh membantu menggalakkan pembayaran semula melalui potongan gaji, beliau berkata, kaedah itu masih sukar dilaksanakan memandangkan perlu ada kebenaran daripada pekerja terbabit.

"Mengikut Seksyen 24 Akta Kerja 1955, majikan tak boleh

membuat potongan gaji sesuka hati selain bagi pembayaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan sebagainya kecuali dengan kebenaran pekerja," katanya.

Sementara itu, Bendahari Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin, menyarankan kerajaan memperluas program kesedaran mengenai celik kewangan supaya peminjam dan pemberi hutang cakna akan tanggungjawab masing-masing.

"Jika kesedaran kewangan diberikan kepada kumpulan sasaran yang salah, ia tentunya tak akan berhasil. Contohnya, bukan hanya terapkan celik kewangan ini kepada golongan mahasiswa, dalam peringkat umur sebegini, (pemikiran) mereka sukar lagi dibentuk."

"Jadi, perlu perhalusi program kesedaran ini dimulakan di peringkat sekolah tadika lagi. Pergilah ke tadika dan sekolah rendah supaya mereka tahu tanggungjawab sejak awal lagi, bahawa hutang termasuk hutang pendidikan wajib dijelaskan," katanya.

PTPTN Mesti Lebih Agresif Kutip Hutang

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mesti lebih agresif mengutip hutang untuk mengatasi tunggakan bayaran balik pinjaman yang meningkat saban tahun.

Langkah drastik juga perlu dilaksanakan bagi mengesan punca lebih 430,000 peminjam yang direkodkan tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman itu, walaupun sekali.

Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Datuk Mohamed Shafie BP Mammal, berkata pembiayaan oleh PTPTN menggunakan dana rakyat dan rombakan terhadap pelan tindakan pembayaran balik pinjaman ialah jalan penyelesaian bagi menyelesaikan isu berkenaan.

“PTPTN kena buat rombakan pelan tindakan. Ini bukan bermaksud PTPTN tak buat kerja, tetapi kena kaji semula pelan tindakan (sedia ada), mungkin tak begitu agresif.

“Contohnya dalam situasi sekarang, ia sudah menjadi satu mudarat (kepada peminjam akan datang). Adakah perkara ini pernah dirujuk kepada Kabinet? “Ini (rombakan) perlu dilakukan kerana pertama, soalnya mengapa ramai tak nak bayar. Kedua; dana yang digunakan untuk beri pinjaman ialah duit rakyat, apatah lagi dengan berbilion (hutang tertunggak) yang direkodkan,” katanya.

BH semalam mendedahkan ada peminjam PTPTN yang sudah mencapai usia 60 tahun, namun masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman.

Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, berkata perkara itu disifatkan tidak wajar mengambil kira PTPTN memerlukan sekitar RM3 bilion bagi membiayai kos pendidikan tinggi 450,000 peminjam sedia ada dan purata 150,000 peminjam baharu setiap tahun.

Mengulas lanjut Mohamed Shafie berkata, rombakan kaedah kutipan hutang PTPTN juga perlu mengambil kira jika ada kelomongan dalam dokumen tawaran pinjaman pendidikan.

“Perlu semak semula kontrak (perjanjian) yang ditandatangani pelajar. Kaji balik kandungan kontrak terbabit. Mungkin ada kelomongan yang kita tak ketahui.

“Mahasiswa (yang ambil pinjaman PTPTN), ketika tandatangani, mereka mungkin ada yang tak baca langsung. Jadi, perlu lihat (kontrak terbabit) membabitkan peminjam dan pemberi pinjaman.

“Jika mahasiswa ini boleh bayar pinjaman lain termasuk cukai pendapatan, mengapa PTPTN tak boleh bayar?” katanya.

Ditanya sama ada majikan boleh membantu menggalakkan pembayaran semula melalui potongan gaji, beliau berkata, kaedah itu masih sukar dilaksanakan memandangkan perlu ada kebenaran daripada pekerja terbabit.

“Mengikut Seksyen 24 Akta Kerja 1955, majikan tak boleh membuat potongan gaji sesuka hati selain bagi pembayaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan sebagainya kecuali dengan kebenaran pekerja,” katanya.

Sementara itu, Bendahari Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin, menyarankan kerajaan memperluas program kesedaran mengenai celik kewangan supaya peminjam dan pemberi hutang cakna akan tanggungjawab masing-masing.

“Jika kesedaran kewangan diberikan kepada kumpulan sasaran yang salah, ia tentunya tak akan

berhasil. Contohnya, bukan hanya terapkan celik kewangan ini kepada golongan mahasiswa, dalam peringkat umur sebegini, (pemikiran) mereka sukar lagi dibentuk.

“Jadi, perlu perhalusi program kesedaran ini dimulakan di peringkat sekolah tadika lagi. Pergilah ke tadika dan sekolah rendah supaya mereka tahu tanggungjawab sejak awal lagi, bahawa hutang termasuk hutang pendidikan wajib dijelaskan,” katanya.